

KONSEP WASTIYYAH DALAM PEPERANGAN: TINJAUAN TERHADAP PANDUAN NABAWI

A. Irwan Santeri Doll Kawaid al-Nadawi
a.irwan@usim.edu.my

Mohd. Zohdi Mohd Amin, Shumsudin Yabi, Syed Najihuddin Syed Hassan

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Abstrak

Wasatiyyah adalah salah satu ciri utama agama Islam yang menjadi salah satu prinsip asasnya dalam hal keimanan, pengibadatan, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam. Ia juga adalah ciri yang menjadikan Islam agama yang dapat diterima. Peperangan atau perang ialah konflik terancang yang lazimnya berpanjangan di antara dua atau lebih negara atau aktivis bukan negara. Ia terkadang dilihat tidak dapat dielakkan dan penting dilakukan dalam keadaan tertentu, seperti pemiliharaan terhadap sesuatu Negara, bangsa atau agama. Islam, sebagai satu agama, telah melalui pelbagai jenis peperangan di awal perkembangannya. Peperangan tersebut berlaku sama ada kerana mempertahankan kesuciannya atau membalas ancaman yang besar yang ditujukan ke atasnya. Lantaran prinsipnya keadilannya, Islam terlibat dengan peperangan-peperangan tersebut berasaskan garis panduan wasatiyyah yang diambil daripada ajaran Quran dan Sunnah. Kertas kerja ini cuba melihat sudut pengaplikasian konsep wasatiyyah dalam peperangan yang diterapkan oleh umat Islam mereka dengan menjejaki panduannya daripada Sunnah Nabi SAW.

Kata kunci: peperangan, wasatiyyah, hadis, sunnah.

Pendahuluan

Istilah ‘wasatiyyah’ adalah berasal daripada perkataan Arab daripada kata dasar *wa sa ta*. Terdapat beberapa pengertian dari sudut bahasa bagi perkataan ini, iaitu; 1. Berada di tengah,¹ 2. Adil.² Menjadi yang terbaik.³ Adapun dari sudut istilah, terdapat pelbagai definisi dan pandangan yang diberikan dalam mendefinikannya. Definisi-definisi tersebut, walaupun nampak berbeza, ia adalah cubaan menafsirkan maksud wasatiyyah yang terdapat dalam firman Allah SWT:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا⁴

Ertinya:

Dan demikianlah Kami jadikan kamu satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia dan Rasulullah pula akan menjadi saksi kebenaran perbuatan kamu.

Berdasarkan ayat ini, Imam al-Tabari⁵ dan al-Qurtubi¹ menafsirkan ‘wasatan’ sebagai ‘adil’. Ini bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi bahawa

¹ Murtadh al-Zubaidi, M. M. (n.d.). *Taj al-'Arus*. Dar al-Hidayah, jld. 20, hlm 172, al-Razi, M. A. (1999). *Mukhtar al-Shihah*. Beirut: al-Maktabah al-Ashriyyah, hlm. 338, al-Quzwini, M. F. (1979). *Maqayis al-Lughah*. Dar al-Fikr, jld. 6, hlm. 108.

² Murtadh al-Zubaidi, Ibid., jld. 20, hlm 167, al-Razi, 338.

³ Murtadh al-Zubaidi, Ibid., jld. 20, hlm 175.

⁴ Al-Quran. Surah al-Baqarah 2:143

⁵ al-Tabari, M. J. (2000). *Jami al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. Muassasah al-Risalah, jld. 3, hlm 142.

Nabi SAW bersabda: “Dan demikianlah Kami jadikan kamu satu umat yang wasata yakni adil”.²

Imam al-Zamakhsyari pula menafsirkannya sebagai umat pilihan.³

Berdasarkan ayat tadi dan dalil-dalil lain, Yabi & Samoh mendefinisikan wasatiyyah dari sudut istilah sebagai *keadilan, mengandungi sifat kebaikan yang terbaik dan penyaksian yang bertepatan dengan ajaran Islam dan Maqasid Syariah*⁴. Bagi al-Shalabiyy, Wasatiyyah adalah satu istilah yang perlu mempunyai dua ciri, iaitu 1. Sifat kebaikan yang terbaik, 2. Penyaksian. Baginya, dua unsur ini tidak boleh dipisahkan dalam mendefinisikan perkataan tersebut.⁵

Berdasarkan kepada ayat tadi, Wasatiyyah dianggap satu ciri penting bagi umat Islam. Ini kerana sifat tersebut adalah gambaran ciri-ciri yang dinyatakan oleh Allah SWT sendiri. Oleh kerana mereka mempunyai ciri-ciri tersebut, mereka dinyatakan akan menjadi saksi kepada umat lain.

Penafsiran Wasatiyyah, sebenarnya difahami bukan sahaja daripada ayat tersebut, tetapi ia berdasarkan kepada kumpulan nas-nas Quran dan Hadis Nabi SAW yang lain. Melalui nas-nas tersebut, pengertian Wasatiyyah secara umum dapat diambil dan ditafsirkan. Contohnya, melalui nas lain, umat Islam disifatkan sebagai sebaik-baik umat. Firman Allah:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Kamu adalah umat yang terbaik yang dikeluarkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah. (Surah Ali Imran: 110)

Mereka juga diarahkan agar berlaku adil: al-Nisa: 135, al-Maidah: 8 dan 42, al-A'raf: 29 dan lain-lain lagi. Daripada nas-nas tersebut dapat difahami bahawa sifat umat Islam adalah umat terbaik, menyuruh kepada kebaikan, menegah kemungkar dan perlu berlaku adil. Selain sifat itu, umat Islam juga dituntut agar mengamalkan Islam tidak secara yang melampau, sama ada dalam beribadah atau dalam hal lain. Sabda Nabi SAW

يَا أَيُّهَا النَّاسُ عَلَيْكُمْ مِنَ الْأَعْمَالِ مَا تُطِيفُونَ، فَإِنَّ اللَّهَ لَا يَمَلُّ حَتَّى تَمَلُّوا⁶

Wahai umat manusia hendaklah kalian melakukan amalan-amalan yang kalian mampu untuk memikulnya kerana sesungguhnya Allah tidak akan merasa jemu hingga kalian sendiri yang jemu.

Sabda Nabi SAW lagi:

إِنَّ هَذَا الدِّينَ يُسْرٌ، وَلَنْ يَشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ، فَسَدِّدُوا وَقَارِبُوا وَأَبْشِرُوا، وَاسْتَعِينُوا بِالْغَدْوَةِ وَالرُّوحَةِ وَشَيْءٍ مِنَ الدَّلْجَةِ⁷.

¹ al-Qurtubi, M. A. (1964). *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Mishriyyah, jld. 2, hlm. 153.

² al-Tirmizi, M. I. (1988). *Jami al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, jld. 5, hlm. 57, nombor hadis 2961.

³ al-Zamakhsyari, M. A. (1407 H). *al-Kasysyaf*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi, jld. 1, hlm 198.

⁴ Yabi, S. (2012). *al-Wasatiyyah fi al-Sunnah al-Nabawiyyah*. In *al-Sunnah: Mulhim al-Ibda' wa al-Tatawwur*. Bangi: Dar al-Syakir, hlm. 146.

⁵ al-Bukhari, M. I. (1422 H). *al-Jami al-Shahih*. Dar Tauq al-Najah.

al-Shalabiyy, A. M. (2001). *al-Wasatiyyah fi al-Quran al-Karim*. Imiriah Arab Bersatu: Maktabah al-Shahabah.

al-Tirmizi, M. b. (1988). *Jami al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.

Hanbal, A. (2001). *al-Musnad*. Muassasah al-Risalah.

Ibn Kathir, I. O. (1999). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Dar Taybah.

Muslim. (t.t.). *Shahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.

⁶ Muslim. (t.t.). *Shahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi, jld. 1, hlm. 540, nombor hadis 215.

⁷ al-Bukhari, M. I. (1422 H). *al-Jami al-Shahih*. Dar Tauq al-Najah, jld. 1, hlm. 16, nombor hadir 39.

"*Sesungguhnya agama ini mudah, dan tidaklah seseorang berlebih-lebihan dalam urusan agama melainkan agama akan mengalahkannya. Maka tepatkanlah, dekatkanlah, dan bergembiralah. Minta bantuanlah dengan (melaksanakan ketaatan) di waktu pagi, petang, dan sebahagian malam hari*".

Tentang penyanjungan, sabda Nabi SAW:

لا تطروني كما أطرت النصارى ابن مريم، فإنما أنا عبده، فقولوا عبدالله ورسوله¹

"*Janganlah kamu melampau (dalam memuji) aku seperti mana melampaunya kaum Nasrani terhadap anak lelaki Maryam (Isa al-Masih a.s). Sesungguhnya aku ini hambaNya maka katakanlah: "Hamba Allah dan utusanNya"*.

Sikap tidak melampau dalam beribadah dan penyanjungan juga adalah ciri penting Islam. Perkara inilah yang membezakan umat Islam dengan penganut agama Kristian yang melampau dalam memuja Nabi Isa AS sehingga diletakkannya setaraf dengan tuhan. Mereka juga melampau dalam beragama sehingga menganggap bahawa kemuliaan seseorang adalah tidak berkahwin. Tidak juga melampau mengurangkan darjat seorang rasul seperti Yahudi yang menolak Rasul dengan keras sehingga membunuhnya dan meminda ajarannya mengikut hawa nafsu. Imam al-Tabari ketika menafsirkan ayat di atas tadi menyatakan:

إنما وصفهم بأنهم وسط؛ لتوسطهم في الدين، فلا هم أهل غلو فيه - غلو النصارى الذين غالوا بالترهب، وقيلهم في عيسى ما قالوا فيه - ولا هم أهل تقصير فيه - تقصير اليهود، الذين بدلوا كتاب الله وقتلوا أنبياءهم، وكذبوا على ربهم وكفروا به -؛ ولكنهم أهل توسط واعتدال فيه².

Maka pertengahan Islam (Wasatiyyah) dalam beragama adalah tidak 'ifrat' dan 'tafrit'. Imam Ibn Kathir menggambarkan syariat Islam sebagai:

ولما جعل الله هذه الأمة وسطاً، خصّها بأكمل الشرائع، وأقوم المفاهيم، وأوضح المذاهب³.

Maka berdasarkan pernyataan tadi, ciri-ciri wasatiyyah umat Islam adalah:

- Mengandungi kebaikan
- Keadilan
- Memudahkan
- Berhikmah
- Istiqamah
- Menjadi saksi⁴

Wasatiyyah Islam tidak hanya terpancar pada perkara-perkara yang disebutkan tadi, tetapi ia berlaku dalam semua ajaran Islam yang meliputi perkara berkaitan akidah, ibadah, akhlak dan muamalat. Konsep al-Taysir, hukum rukhsah, hukum taklif, kemaafan, taubat dan sebagainya adalah antara ciri-ciri prinsip tersebut dalam Islam.

Peperangan

Peperangan atau perang ialah konflik terancang yang lazimnya berpanjangan di antara dua atau lebih negara atau aktivis bukan negara.⁵ Ia terkadang dilihat sebagai satu aspek yang tidak dapat dielakkan dan penting dalam keadaan tertentu.¹

¹ Ibid., jld. 4, hlm, 167, nombor hadis 3445.

² Al-Tabari, op. cit., jld 3, hlm. 142.

³ Ibn Kathir, I. O. (1999). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Dar Taybah, jld. 1, hlm. 258.

⁴ al-Shalabiyy, op. cit., hlm 67.

⁵ (2014, Oktober 31). *Peperangan*. Retrieved from Wikipedia: <http://ms.wikipedia.org/wiki/Peperangan>.

Islam, sebagai satu agama, telah melalui pelbagai ancaman di awal perkembangannya yang akhirnya melibatkannya dengan pelbagai jenis peperangan. Peperangan tersebut berlaku sama ada untuk mempertahankan kesuciannya atau membalas ancaman yang besar yang ditujukan ke atasnya.² Namun begitu, peperangan, pada awal penyebaran Islam sebenarnya adalah tidak diizinkan walaupun orang Islam disakiti dan dianiaya oleh orang kafir Quraisy. Mereka dituntut agar bersabar, berdoa, memaafkan dan mencari jalan keluar lain. Maka terdapat di kalangan mereka yang berhijrah ke Habsyah, iaitu lari keluar dari Mekah demi menyelamatkan nyawa mereka. Ada di antara mereka yang lain pula kekal bersabar di Mekah. Walaupun orang Ansar pernah meminta izin daripada Rasulullah SAW untuk menyerang orang kafir Quraisy setelah mereka berbai'ah untuk membantunya pada Bai'ah 'Aqabah tetapi Nabi SAW tidak membenarkannya atas alasan beliau belum diizinkan.

Terdapat hikmah pada pengharaman peperangan sebelum hijrah. Iaitu umat Islam ketika itu dituntut agar menumpunkan perhatian terhadap memantapkan akidah baru mereka, menyampaikan dakwah dan mengukuhkan ketaatan mereka kepada Allah SWT. Jika mereka berperang, sedangkan mereka masih belum mempunyai kekuatan yang penuh, maka ramai orang yang lemah akan lebih teraniaya. Malah penyebaran agama Islam akan terbantut dan tidak akan berkembang. Tidak berperang ketika itu adalah lebih utama daripada berperang.

Setelah berlakunya hijrah. Iaitu setelah umat Islam mula mempunyai kekuatan dan kuasa. Mereka telah diizinkan untuk memerangi orang kafir Quraisy dan sesiapa sahaja yang memerangi mereka. Fiman Allah SWT:

“Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan)”. (Surah al-Hajj: ayat 39)

Keizinan di sini bukanlah bermaksud difardukan. Kedua-duanya adalah tidak sama. Adalah salah bagi sesiapa yang mentafsirkan ayat ini sebagai mewajibkan.

Setelah mendapat keizinan berperang, Rasulullah SAW telah berperang sebanyak 27 kali³ dengan musuh-musuhnya selain mengutus angkatan tentera tanpa menyertainya sebanyak 47 kali⁴. Peperangan bukanlah cara Islam membina kerajaan yang kukuh atau menyebarkan agama. Namun ia juga bukanlah cara yang lansung tidak boleh digunakan. Ini kerana, jenis musuh adalah pelbagai. Begitu juga dengan jenis ancaman mereka. Peperangan diperlukan dalam keadaan musuh dan ancaman yang memerlukan kepada peperangan.

Peperangan dalam Islam hanya dibolehkan atas dasar agama. Sabda Nabi S.A.W.:

أَمَرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ، وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ، فَإِذَا فَعَلُوا، عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ، وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّهَا، وَحَسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ °

“Aku diperintahkan agar memerangi manusia sehingga mereka bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah rasullullah, mendirikan solat dan membayar zakat. Jika mereka lakukan perkara tersebut, maka darah mereka akan terpelihara daripadaku kecuali dengan hak Islam dan urusan mereka adalah pada Allah s.w.t.”

Prinsip Wasatiyyah dalam Peperangan

Prinsip Wasatiyyah telah digambarkan dengan bercirikan keadilan dan kebaikan. Tetapi bagaimanakah prinsip ini dapat dikaitkan peperangan peperangan dan jihad yang digalakkan

¹ (2014, Oktober 31). *War*. Retrieved from Wikipedia: <http://en.wikipedia.org/wiki/War>.

² al-Fasi, M. H. (1995). *al-Fikr al-Sami fi tarikh al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, jld. 1, hlm. 175.

³ Ibn Hisyam, A. a.-M. (1955). *al-Sirah al-Nabawiyyah*. Kaherah: Maktabah Mustafa al-Babiy al-Halabiy, jld. 2, hlm. 608.

⁴ al-Waqidi, M. U. (1989). *al-Maghazi*. Beirut: Dar al-Alami, jld. 1, hlm 7.

⁵ Muslim, op. cit., jld. 1, hlm. 53, nombor hadis 36.

dalam Islam, sedangkan peperangan biasanya berunsurkan kekerasan dan pembunuhan? Bagiamanakah konsep yang bercirikan keadilan dan kebaikan ini dikaitkan dengannya. Ia seolah-olahnya bertentangan dan tidak mempunyai kesesuaian.

Namun, peperangan, seperti yang telah dinyatakan, adalah satu jalan terakhir yang perlu dilakukan setelah semua usaha kebaikan, diplomasi dan keadilan telah diusahakan untuk mengelakkannya. Ia bukanlah semata-mata jalan penyelesaian. Sebab itulah Nabi tidak menggalakkan umat Islam untuk sengaja mencari peperangan. Sabda Nabi SAW:

“Wahai manusia! Jangan kamu bercita-cita bertembung dengan musuh, mintalah daripada Allah keselamatan. Namun jika kamu bertembung dengan mereka juga, kamu hendaklah sabar (tetap jangan berganjak)”.

Maka jika segala usaha tersebut telah gagal, maka peperangan terpaksa dilalui. Pada ketika itu, konsep wasatiyyah tetap akan diaplikasikan dalam keadaan tersebut, walaupun ia adalah peperangan yang pada zahirnya seolah-olah satu keganasan.

Tujuan berperang

Antara panduan yang diajarkan dalam peperangan adalah peperangan perlulah atas dasar agama atau memelihara nyawa dan harta umat Islam. Bukan atas dasar menegakkan persepsi politik atau sentiman kumpulan yang sempit atau hal atau peribadi tertentu. Bangsa Arab sebelum Islam terkenal dengan suka berperang sesama mereka, puncanya adalah terkadang sangat remeh. Contohnya demi menegakkan maruah kabilah atau isu ternakan yang sering digambarkan dalam syair-syair Arab. Setelah kedatangan Islam, Islam merubah persepsi tersebut. Iaitu peperangan perlulah kerana tujuan yang lebih mulia, iaitu kerana Allah, memelihara nyawa atau harta orang Islam.

Firman Allah SWT:

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ¹

Ertinya: *Dan perangilah kerana agama Allah akan orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu melampau; kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampau.*

Ayat ini menunjukkan bahawa peperangan adalah perlu diniatkan kerana Allah dan perlu disebabkan wujud ancaman daripada orang lain dan tidak boleh melampau. Imam al-Khazin ketika menafsirkan ayat ini berkata: “Iaitu pada mentaati Allah dan mengharapkan keredhaanNya”.²

Sabda Nabi S.A.W. pula:

اغزوا بسم الله في سبيل الله قاتلوا من كفر بالله

Maksudnya: *“Berperanglah dengan menyebut nama Allah, di jalan Allah. Perangilah orang yang kafir terhadap Allah.”*

Sabda Nabi S.A.W. lagi:

أَمَرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ، وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ، فَإِذَا فَعَلُوا، عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ، وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّهَا، وَحَسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ³

“Aku diperintahkan agar memerangi manusia sehingga mereka bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah rasullullah, mendirikan solat dan membayar zakat. Jika

¹ Al-Quran. Surah al-Baqarah 2:190

² al-Khazin, A. M. (1415 H). *Lubab al-Ta'wil fi Ma'ani al-Tanzil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, jld. 1, hlm. 121.

³ Muslim, op. cit., jld. 1, hlm. 53, nombor hadis 36.

mereka lakukan perkara tersebut, maka darah mereka akan terpelihara daripadaku kecuali dengan hak Islam dan urusan mereka adalah pada Allah s.w.t.”

Konsep keadilan dalam tujuan peperangan adalah agar tidak berlaku kezaliman terhadap nyawa manusia. Iaitu bukan matinya bukan kerana menegakkan persepsi politik, sentiman kumpulan yang sempit atau kerana peribadi tertentu. Kerana persepsi atau pandangan peribadi kadang-kala boleh jadi tersalah apatah lagi jika perkara tersebut suah jelas salah. Akibatnya banyak nyawa yang menjadi korban secara sia-sia. Jika peperangan tersebut atas dasar agama, memelihara nyawa atau harta, kebaikan disebaliknya, walaupun berlaku pertumpahan darah, akan lebih bermakna.

Oleh kerana peperangan dalam Islam adalah kerana Allah, maka sebab itulah sering terdapat doa yang Nabi SAW bacakan sebelum berperang. Contohnya sabda beliau:

اللَّهُمَّ أَنْتَ عَضُدِي، وَأَنْتَ نَصِيرِي، وَبِكَ أَقَاتِلُ¹

“Ya Allah Engkaulah pelindungku dan Engkaulah penolongku dan kerana Engkaulah aku berperang.”

Tidak melampai batas dalam berperang

Ayat daripada Surah al-Baqarah: 190 di atas tadi bukan sahaja mengandungi panduan tentang tujuan berperang, malah ia juga mengandungi panduan tentang etika ketika berperang. Iaitu tidak melampau.

Imam al-Tabari ketika menafsirkan ayat tersebut, beliau mengatakan:

“iaitu mereka yang melampaui batasanNya; iaitu mereka menghalalkan apa yang diharamkan Allah ke atas mereka daripada membunuh orang yang diharamkan bunuh dari kalangan wanita musyrikin dan zuriat mereka.”²

Imam al-Khazin pula menafsirkannya sebagai jangan melanggar perjanjian.³ Imam Ibn Katir menafsirkannya sebagai melampau dengan mencacatkan anggota, membunuh wanita, kanak-kanak, orang tua dan ahli agama yang tidak terlibat dalam peperangan, membakar pokok dan membunuh haiwan tanpa kemaslahatan (perang).⁴

Peperangan walaupun ia adalah satu tindakan yang berunsur kekasaran. Malah dibolehkan melakukan penipuan padanya, iaitu pada strategi peperangan kerana sabda Nabi SAW:

الْحَرْبُ خُدْعَةٌ

“Perang itu adalah tipu daya.”

Tetapi bukanlah peperangan satu keizinan untuk melakukan tindakan yang melampau daripada tindakan yang dibenarkan. Kerana terdapat dalam ayat lain, Allah SWT sendiri menggalakkan berlaku adil walaupun dengan musuh. FirmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا⁵

“Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan janganlah kemarahan kamu terhadap suatu kaum itu mendorong kamu untuk tidak berlaku adil”.

¹ Ibn Hanbal, A. M. (2001). *al-Musnad*. Muassasah al-Risalah, jld. 20, hlm. 255, nombor hadis 12909.

² Al-Tabari, op. cit., jld. 3, hlm. 564.

³ Al-Khazin, op. cit., jld 1, hlm. 121.

⁴ Ibn Kathir, op. cit., jld. 1, hlm. 524.

⁵ Al-Quran. Surah al-Maidah 5:8.

Terdapat beberapa hadis dalam sunnah Nabi SAW yang menjelaskan lagi konsep kebaikan dan keadilan. Antaranya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَمَرَ أَمِيرًا عَلَى جَيْشٍ، أَوْ سَرِيَّةٍ، أَوْ صَاهُ فِي خَاصَّتِهِ بِتَقْوَى اللَّهِ، وَمَنْ مَعَهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ خَيْرًا، ثُمَّ قَالَ: «اعْرُزُوا بِاسْمِ اللَّهِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، فَاتِلُوا مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ، اعْرُزُوا وَلَا تَعْلُوا، وَلَا تَعْدِرُوا، وَلَا تَمْتَلُوا، وَلَا تَقْتُلُوا وَلِيدًا، وَإِذَا لَقِيتَ عَدُوَّكَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ، فَادْعُهُمْ إِلَى ثَلَاثِ حِصَالٍ - أَوْ حِلَالٍ - فَأَيُّتَهُنَّ مَا أَجَابُوكَ فَاقْبَلْ مِنْهُمْ، وَكُفِّ عَنْهُمْ، ثُمَّ ادْعُهُمْ إِلَى الْإِسْلَامِ، فَإِنْ أَجَابُوكَ، فَاقْبَلْ مِنْهُمْ، وَكُفِّ عَنْهُمْ، ثُمَّ ادْعُهُمْ إِلَى التَّحْوِيلِ مِنْ دَارِهِمْ إِلَى دَارِ الْمُهَاجِرِينَ، وَأَخْبِرْهُمْ أَنَّكُمْ إِنْ فَعَلُوا ذَلِكَ فَالَهُمْ مَا لِلْمُهَاجِرِينَ، وَعَلَيْهِمْ مَا عَلَى الْمُهَاجِرِينَ، فَإِنْ أَبَوْا أَنْ يَتَحَوَّلُوا مِنْهَا، فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّكُمْ يَكُونُونَ كَأَعْرَابِ الْمُسْلِمِينَ، يَجْرِي عَلَيْهِمْ حُكْمُ اللَّهِ الَّذِي يَجْرِي عَلَى الْمُؤْمِنِينَ، وَلَا يَكُونُ لَهُمْ فِي الْعَنِيمَةِ وَالْفَيْءِ شَيْءٌ إِلَّا أَنْ يُجَاهِدُوا مَعَ الْمُسْلِمِينَ، فَإِنْ هُمْ أَبَوْا فَسَلُّهُمْ الْجَزِيَّةَ، فَإِنْ هُمْ أَجَابُوكَ فَاقْبَلْ مِنْهُمْ، وَكُفِّ عَنْهُمْ، فَإِنْ هُمْ أَبَوْا فَاسْتَعِنَ بِاللَّهِ وَقَاتِلْهُمْ»^١...

“Adalah Rasulullah SAW bila mengutus seorang komandan bagi sebuah pasukan perang yang besar atau kecil, beliau berpesan kepadanya secara khusus untuk bertakwa kepada Allah dan berbuat baik kepada kaum muslimin yang bersamanya, lalu beliau berkata: “Berperanglah dengan menyebut nama Allah, di jalan Allah. Perangilah orang yang kafir terhadap Allah. Berperanglah, jangan kalian melakukan gholul (mencuri rampasan perang), jangan berkhianat, jangan mencincang mayat, dan jangan pula membunuh anak-anak. “*Apabila engkau bertemu musuhmu dari kalangan orang-orang musyrik maka ajaklah mereka kepada salah satu tiga perkara; apapun di antara ketiga perkara tersebut yang mereka penuhi untuk dilakukan maka terimalah dari mereka, dan tahanlah diri dari menyerang mereka, kemudian ajaklah mereka kepada Islam. Apabila mereka memenuhi seruanmu maka terimalah dari mereka dan tahanlah diri dari menyerang mereka, kemudian ajaklah memeluk Islam. Jika mereka penuhi maka terimalah dari mereka, dan tahanlah diri dari menyerang mereka, ajaklah mereka agar berpindah dari negeri mereka menuju negeri muhajirin, dan beritahukan kepada mereka apabila mereka melakukan hal tersebut maka bagi mereka apa yang menjadi hak orang-orang muhajirin dan kewajiban mereka adalah yang menjadi kewajiban orang-orang muhajirin. Jika mereka menolak dan memilih negeri mereka maka beritahukan kepada mereka bahwa mereka seperti orang-orang badui muslim yang diberlakukan atas mereka hukum Allah sebagaimana yang berlaku terhadap orang-orang mukmin dan mereka tidak berhak mendapat fai` dan rampasan perang kecuali jika mereka berjihad bersama orang-orang muslim. Dan jika mereka menolak untuk masuk Islam maka mintalah mereka untuk membayar Jizyah dan apabila mereka melakukan hal tersebut maka terimalah dari mereka dan jangan menyerang mereka. Jika mereka menolak maka mintalah pertolongan kepada Allah dan perangilah mereka...*

Dalam riwayat lain, terdapat beberapa perbezaan lafaz, contohnya penambahan:

وَلَا أَصْحَابَ الصَّوَامِعِ^٢

Iaitu “...jangan membunuh ahli-ahli rumah ibadat”.

وَلَا تَقْتُلُوا شَيْخًا فَانِيًا، وَلَا طِفْلًا، وَلَا صَغِيرًا، وَلَا امْرَأَةً^١

¹ Muslim, op. cit., jld. 3, hlm. ١٣٥٧, nombor hadis 1731.

² Ibn Hanbal, A. M. (2001). *al-Musnad*. Muassasah al-Risalah, jld. 4, hlm. 416, nombo hadis 2728.

Iaitu “..jangan membunuh orang tua yang sudah renta, kanak-kanak, dan wanita”.

—أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ قَتْلِ الْعُسْفَاءِ وَالْوُصَفَاءِ^٢

“*Sesungguhnya nabi saw melarang membunuh orang tua dan kanak-kanak*”.

Abu Bakar al-Siddiq, sebagai khalifah pertama Islam pernah berpesan kepada Yazid bin Abi Sufyan:

يَا يَزِيدُ لَا تَقْتُلْ صَبِيًّا، وَلَا امْرَأَةً، وَلَا صَغِيرًا، وَلَا تُحْرِقَنَّ عَامِرًا، وَلَا تَعْقِرَنَّ شَجَرًا مُثْمِرًا، وَلَا ذَابَّةً عَجْمَاءَ،
وَلَا بَعْرَةً، وَلَا شَاةً إِلَّا لِمَا كَلَيْتَ، وَلَا تُحْرِقَنَّ نَخْلًا، وَلَا تُعْرِقَنَّهٗ، وَلَا تَعْلَلَنَّ، وَلَا تَجْبُنَنَّ^٣

“*Wahai Yazid! Jangan membunuh wanita, anak-anak. Jangan merosakkan bangunan. Jangan menebang pohon yang sudah berbuah. Janganlah membunuh unta, lembu kambing dan unta kecuali untuk dimakan. Jangan membakar pohon kurma. kecuali bila domba dan unta itu untuk dimakan; Janganlah berlaku khianat; Jangan menakut-nakuti (rakyat)*”.

Umar bin al-Khattab pula pernah menulis satu surat dengan mengatakan:

لَا تُغْلُوا، وَلَا تُعْدِرُوا، وَلَا تُمْتَلُوا، وَلَا تَقْتُلُوا وَلِيَدًا، وَاتَّقُوا اللَّهَ فِي الْفَلَاحِيِّنَ الَّذِينَ لَا يَنْصُرُونَ لَكُمْ الْحَرْبَ^٤

“Jangan melakukan gholul (mencuri rampasan perang), jangan berkhianat, jangan mencincang mayat, dan jangan pula membunuh anak-anak. Takutlah kepada Allah pada para petani yang tidak memerangi kamu”.

Sikap melampau dalam peperangan menurut nas-nas di atas adalah melakukan pelanggaran-pelanggaran berikut:

1. Membunuh wanita yang tidak berperang.
2. Membunuh kanak-kanak.
3. Membunuh orang tua dan orang yang uzur yang tidak berperang.
4. Membunuh orang yang beribadat di rumah-rumah ibadat.
5. Merosakkan harta benda dan tumbuhan.
6. Melakukan pengkhianatan.
7. Mencacatkan anggota musuh sama ada yang masih hidup atau yang telah mati.

Terdapat pandangan ulama Islam yang menyatakan bahawa orang buta juga tidak boleh dibunuh⁵ dan ada yang menganggap bahawa pelanggaran perjanjian juga dianggap melampau dalam peperangan sepertimana yang ditafsirkan oleh Imam al-Khazin tadi.

Antara kezaliman yang lain dalam peperangan adalah memperlakukan tawanan perang atau mayat musuh dengan mencacatkan anggotanya sepertimana yang dilarang dalam beberapa hadis tadi. Selain itu, membakar mayat musuh juga dilarang.

¹ Abu Daud, S. A. (2009). *al-Sunan*. Dar al-Risalah al-Ilmiyyah, jld. 3, hlm 37, nombor hadis 2614.

² al-Bayhaqi, A. H. (1991). *Ma'rifah al-Sunan wa al-Athar*. Beirut: Dar Qutaybah, jld. 13, hlm. 252, nombor hadis 18091.

³ Said bin Mansur, J. (1982). *al-Sunan*. India: al-Dar al-Salafiyah, jld. 2, hlm. 181, nombor hadis 2383.

⁴ Ibid., jld. 2, hlm. 280, nombor hadis 2625.

⁵ Ibn Qudamah, A. A. (1968). *al-Mughni*. Kaherah: Maktabah al-Qahirah, jld. 9, hlm. 312.

عن حمزة الأسلمي أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَهُ عَلَى سَرِيَّةٍ قَالَ: فَخَرَجْتُ فِيهَا، وَقَالَ: «إِنْ وَجَدْتُمْ فَلَانًا فَأَحْرِقُوهُ بِالنَّارِ». فَوَلَّيْتُ فَنَادَانِي فَرَجَعْتُ إِلَيْهِ فَقَالَ: «إِنْ وَجَدْتُمْ فَلَانًا فَأَقْتُلُوهُ وَلَا تُحْرِقُوهُ، فَإِنَّهُ لَا يُعَذَّبُ بِالنَّارِ إِلَّا رَبُّ النَّارِ»¹.

Diriwayatkan daripada Hamzah al-Aslami: Bahawa Rasulullah SAW telah melantiknya memimpin sebuah pasukan perang. Kemudian aku keluar dan berkata: "Jika kamu bertemu dengan Si Fulan, maka bakarlah dia dengan api." Kemudian aku pergi, lalu baginda memanggilku lalu aku kembali kepada beliau. Beliau berkata: "Apabila kalian bertemu Fulan maka bunuhlah dia, dan jangan kalian bakar! Sesungguhnya tidak ada yang boleh menyiksa dengan api kecuali Tuhan Penguasa api."

Kesimpulan

Peperangan dalam Islam adalah satu tindakan hanya boleh dilakukan dalam keadaan terdapat ancaman terhadap agama, nyawa dan harta. Ia walaupun pada zahirnya mempunyai unsur kekerasan, tetapi konsep wasatiyyah yang berunsurkan keadilan, kebaikan dan penyaksian tetap perlu diaplikasikan. Pengaplikasian konsep ini dalam peperangan dapat dilihat dalam beberapa aspek. Antaranya dalam tujuan mengadakan peperangan dan etika sewaktu berperang. Tujuan mengadakan peperangan dalam Islam hendaklah diniatkan kerana Allah atau kerana ingin menyelamatkan nyawa dan harta umat Islam. Ia tidak boleh diniatkan kerana menegakkan pandangan atau persepsi individu atau kumpulan tertentu. Etika dalam peperangan dalam Islam menggambarkan ciri wasatiyyahnya; iaitu tidak melampau dalam tindakan. Perbuatan tersebut dijelaskan oleh Sunnah Nabi SAW dengan perlakuan membunuh wanita, kanak-kanak, orang tua dan ahli agama yang tidak terlibat dalam peperangan, membakar pokok, merosakkan rumah, membunuh haiwan tanpa kemaslahatan (perang), mencacatkan anggota tawanan dan membakar mayat musuh. Sunnah Nabi SAW telah memberi panduan ciri wasatiyyah yang diterapkan peperangan. Malah ciri tersebut dalam Islam bukan hanya dituntut dalam keadaan aman, malah turut dituntut dalam keadaan sebaliknya.

Rujukan

Abu Daud, S. A. (2009). *al-Sunan*. Dar al-Risalah al-Ilmiyyah.

al-Bayhaqi, A. H. (1991). *Ma'rifah al-Sunan wa al-Athar*. Beirut: Dar Qutaybah.

al-Bukhari, M. I. (1422 H). *al-Jami al-Shahih*. Dar Tauq al-Najah.

al-Fasi, M. H. (1995). *al-Fikr al-Sami fi tarikh al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

al-Khazin, A. M. (1415 H). *Lubab al-Ta'wil fi Ma'ani al-Tanzil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
al-Qurtubi, M. A. (1964). *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Mishriyyah.

al-Quzwini, M. F. (1979). *Maqayis al-Lughah*. Dar al-Fikr.

al-Razi, M. A. (1999). *Mukhtar al-Shihah*. Beirut: al-Maktabah al-Ashriyyah.

¹ Abu Daud, op. cit., jld. 3, hlm. 54, nombor hadis 2673.

- al-Shalabiyy, A. M. (2001). *al-Wastiyyah fi al-Quran al-Karim*. Imiriah Arab Bersatu: Maktabah al Shahabah.
- al-Tabari, M. J. (2000). *Jami al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. Muassasah al-Risalah.
- al-Tirmizi, M. I. (1988). *Jami al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- al-Waqidi, M. U. (1989). *al-Maghazi*. Beirut: Dar al-Alami.
- al-Zamkhsyari, M. A. (1407 H). *al-Kasysyaf*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Ibn Hanbal, A. M. (2001). *al-Musnad*. Muassasah al-Risalah.
- Ibn Hisyam, A. a.-M. (1955). *al-Sirah al-Nabawiyyah*. Kaherah: Maktabah Mustafa al-Babiy al-Halabiy.
- Ibn Kathir, I. O. (1999). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Dar Taybah.
- Ibn Qudamah, A. A. (1968). *al-Mughni*. Kaherah: Maktabah al-Qahirah.
- Murtadh al-Zubaidi, M. M. (n.d.). *Taj al-'Arus*. Dar al-Hidayah.
- Muslim. (t.t.). *Shahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Said bin Mansur, J. (1982). *al-Sunan*. India: al-Dar al-Salafiyah.
- Wikipedia. (2014, Oktober 31). *War*. Retrieved from Wikipedia: <http://en.wikipedia.org/wiki/War>
- Yabi, S. (2012). al-Wasatiyyah fi al-Sunnah al-Nabawiyyah. In *al-Sunnah: Mulhim al-Ibda' wa al Tatawwur*. Bangi: Dar al-Syakir.